



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 NOVEMBER 2016

Dr. M perlu jelaskan kekayaan luar biasa 3 anak lelaki

um-13/11/2016

KUALA LUMPUR 12 Nov.

- Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim meminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir memperjelaskan kekayaan luar biasa yang dimiliki oleh tiga anak lelakinya dalam tempoh kurang dari tiga tahun.

Beliau juga menggesa Dr. Mahathir tampil membersihkan namanya terhadap semua dakwaan termasuk mengaitkan dirinya terlibat dalam skandal rasuah sepanjang negara berada di bawah rejim beliau.

"Dr. Mahathir perlu segera berbuat demikian sekiranya mahu kembali aktif kepada politik," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Ketika ditanya sama ada beliau akan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tunku Abdul Aziz berkata: "Setakat ini saya belum mengambil sebarang keputusan. Kita tengok dulu.

Tunku Abdul Aziz juga menyatakan rasa hairan dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang satu ketika dulu menentang sekeras-kerasnya rasuah kini sanggup bersekutu dengan seorang pemimpin yang menjadikan tiga anak lelakinya jutawan sekelip mata.

Beliau menambah, percubaan Dr. Mahathir untuk mengupas isu skandal terbesar 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebenarnya adalah tindakan terdesak beliau untuk mengalihkan pandangan orang ramai terhadap 'kelemahannya' serta agenda politik tersendiri.